



Ahli Kumpulan Q-Artz dan Kumpulan No Waste Left Behind bersama Dr. Benedick Oliver Lidadun, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat DBKK (mantan Pengarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi DBKK).

ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SABAH (iSAS) 2023

Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (iSAS) Tahun 2023 diadakan pada 2 November 2023 yang dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah bertempat di Dewan Bankuasi, Menara Kinabalu.

Kumpulan Q-Artz KIK Jabatan Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa (Sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Pelancongan Bandaraya) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang diketuai oleh Puan Fauziahton Ag Samad, Pengarah Jabatan Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa telah menghasilkan satu inovasi baru iaitu Kerangka Kerja Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti Lestari telah dinobatkan sebagai Johan Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Bidang Inovasi Sosial-Inovatif) di dalam Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (iSAS) 2023. Manakala Naib Johan, di menangi oleh Kumpulan No Waste Left Behind yang diketuai oleh Encik Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (DBKK) dengan projek yang bertajuk Sistem Perlupusan Sampah Sendiri (SPSS).

KUMPULAN Q-ARTZ (DBKK)

Kumpulan Q-Artz telah mencipta satu inovasi yang berdasarkan daripada pengalaman di dalam membangunkan *Community-Based Ecotourism (CBET)*. Matlamat utama program ini adalah untuk memastikan kelestarian komuniti tercapai serta meningkatkan kualiti hidup sesuatu komuniti yang terlibat.



YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah menyampaikan hadiah kepada Johan Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah 2023 iaitu Kumpulan Q-Artz daripada Jabatan Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa (DBKK).



YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah menyampaikan hadiah kepada Naib Johan Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah 2023 iaitu Kumpulan No Waste Left Behind daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (DBKK).

KUMPULAN NO WASTE LEFT BEHIND (DBKK)

Kumpulan No Waste Left Behind telah mencipta projek Sistem Perlupusan Sampah Sendiri (SPSS) dimana salah satu objektif projek ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran berhubung pengurusan sampah yang lebih efektif.